

Rakan tradisi tidak diabai: PM

KUALA LUMPUR, Khamis - Malaysia komited kepada sistem perdagangan bebas dan akan berusaha memperbaiki kedudukannya sebagai negara perdagangan ke-19 terbesar di dunia, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, walaupun usaha dibuat untuk mencari pasaran baru di Latin Amerika, benua Afrika dan Asia Tengah, Malaysia akan terus menjalankan perdagangan dengan negara-negara tradisi.

Dalam arena antarabangsa pula, kata Dr Mahathir, Malaysia akan terus memainkan peranan aktif dalam mempertingkatkan hubungan dua hala dan aktiviti kerjasama dalam pelbagai bidang.

"Malaysia juga akan berusaha meningkatkan hubungan Selatan-Selatan serta bekerjasama dengan negara-negara membangun yang lain melalui Program Kerjasama Teknikal," katanya.

Beliau berucap menyampaikan ucapan tahniah dan ikrar taat setia kerajaan dan rakyat di upacara pertabalan Tuanku Ja'afar Tuanku Abdul Rahman sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-10 di Istana Negara di sini, hari ini.

Perdana Menteri juga berkata, pertumbuhan ekonomi yang terus menggalakkan di negara ini menghasilkan peluang pelaburan yang baik bagi pelabur tempatan dan pelabur asing.

Menurutnya, pelaburan sektor swasta yang semakin pesat serta pelaburan kerajaan dalam memperbaiki prasarana meningkatkan keupayaan dan potensi pertumbuhan ekonomi.

"Keadaan itu dapat membantu meningkatkan pendapatan rakyat yang sanggup berusaha," katanya.

Dr Mahathir berkata, perpaduan dan persefahaman erat di kalangan rakyat berjaya mewujudkan kestabilan dan keamanan serta memudahkan usaha memantapkan pertumbuhan ekonomi.